

**RAPANG PASIR**  
Malaysian Plover

FAMILI: Charadriidae  
NAMA SAINTIFIK: *Charadrius peronii*

**CIRI-CIRI**

Individu jantan bagi spesies ini hampir sama seperti Rapang Pantai, *C.alexandrinus*, tetap lebih kecil dengan paruh yang lebih pendek. Bahagian atas badan dan bulu pahat atas sayap mempunyai pinggir yang pudar. Tompok pada dada lebih sempit dan mengunjur sehingga ke bawah kolar. Bahagian kaki berwarna kekuningan atau merah jambu. Individu betina pula mempunyai tanda-tanda hitam yang kurang. Bahagian atas badan biasanya kemerahan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 14.0-16.0 sm.

**MAKANAN**

Spesies ini biasanya berlari dalam jarak yang dekat semasa mencari makanan. Dietnya terdiri daripada kumbang, cacing, belalang dan lain-lain serangga.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di pantai, beting pasir dan beting lumpur, kolam-kolam di persisiran pantai, sungai yang besar dan tasik yang kering sehingga ke ketinggian 450 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *whit* atau *twik* yang lembut.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari hingga Ogos. Individu betina boleh menghasilkan antara 2-3 biji telur berwarna krim dengan jalur-jalur berwarna hitam dan coklat. Sarangnya dibina di atas tanah.